

11 JUN 2021 (JUMAAT)

Kuantan: Jabatan Alam Sekitar (Jas) Pahang mengesahkan kualiti air Tasik Chini, Pekan sehingga kini dikategorikan bersih.

Jas dalam satu kenyataannya semalam memaklumkan ia berdasarkan pemantauan jabatan itu bermula pada 2005 lagi.

"Terdapat 15 stesen pemantauan kualiti air Tasik Chini di lokasi yang ditetapkan dengan kekerapan pemantauan sekali sebulan di setiap stesen.

"Empat parameter utama yang diukur ialah Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Pepejal Terampai (SS), Nitrogen Amonia (AN) dan Besi (Fe).

Kualiti air Tasik Chini dikategori bersih: Jas

"Secara umumnya didapati bahawa data kualiti air bagi 2020 sehingga Mac 2021 menunjukkan kualiti air Tasik Chini dalam kategori bersih.

"Tahun lalu bacaan purata bagi empat parameter ialah BOD (1.99 mg/l) yang berada pada Kelas 2 dengan sub-indeks 92, SS (6.95 mg/l) yang berada pada Kelas 1 dengan sub-indeks 94 dan AN (0.02 mg/l) yang

berada pada Kelas 1 dengan sub-indeks 99.

"Tahun ini pula sehingga Mac lalu bacaan purata bagi empat parameter ialah BOD (1.99 mg/l) yang berada pada Kelas 2 dengan sub-indeks 92, SS (8.93 mg/l) yang berada pada Kelas 1 dengan sub-indeks 92 dan AN (0.05 mg/l) yang berada pada Kelas 1 dengan sub-indeks 95," menurut Jas.

Kenyataan yang dikeluarkan

kan Jas itu susulan laporan berita mengenai Tasik Chini yang didakwa teruk tercemar.

Pada Mei 2009, Tasik Chini dianugerahkan status Rizab Biosfera oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) di bawah program Manusia dan Biosfera yang dikoordinasi oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)

Kenyataan itu turut menjelaskan bahawa parameter Fe atau besi pada 2020, purata bacaan adalah 2.54 mg/l yang menunjukkan trend menurun berbanding tahun sebelumnya 3.81mg/l.